

LAPURAN TAHUNAN DAN AKAUN

YANG TELAH DIODITKAN

bagi

LEMBAGA PEMASARAN

PERTANIAN PERSEKUTUAN

MALAYSIA

1973

**LAPURAN TAHUNAN DAN AKAUN YANG TELAH DIODITKAN
BAGI LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN
MALAYSIA, 1973.**

Pendahuluan

Laporan ini ialah laporan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) yang meliputi tahun berakhir pada 31hb. Disember, 1973.

2. Lembaga ini telah ditubuhkan pada 30hb. September, 1965 di bawah Akta Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan, 1965, yang menyatakan bahawa tugas-tugas Lembaga adalah seperti berikut:—

- a) Menyelaraskan kegiatan-kegiatan pemasaran hasil-hasil pertanian oleh orang-orang per-sendirian atau badan-badan pertubuhan (samada dalam perkhidmatan kerajaan atau swasta) yang terlibat atau mungkin terlibat di dalam sebarang bidang pemasaran hasil-hasil pertanian.
- b) Menimbang dan memajukan, jika perlu, cara-cara untuk memperbaiki pasaran dan cara-cara pemasaran hasil-hasil pertanian dan untuk mencari serta memajukan pasaran dan saluran-saluran dan pasaran baru bagi hasil-hasil pertanian.
- c) Bekerjasama dengan orang-orang atau badan-badan pertubuhan (samada di dalam per-khidmatan kerajaan atau swasta) untuk memajukan pemasaran hasil-hasil pertanian supaya lebih licin dan berkesan.

Pindaan Akta Lembaga

3. Akta Lembaga telah dipinda oleh Parlimen pada bulan Julai, 1973 dimana Lembaga telah diberi tugas-tugas tambahan seperti berikut:—

- d) Menyediakan kemudahan-kemudahan kredit bagi pemasaran hasil-hasil pertanian dan mempastikan bahawa kemudahan-kemudahan tersebut digunakan dengan sepenuhnya, dan
- e) Menurut serta dalam perusahaan memproses hasil-hasil pertanian.

4. Selain daripada itu pindaan ke atas Akta ini membolehkan Lembaga mengambil bahagian di dalam perniagaan hasil-hasil pertanian secara langsung tanpa mengujudkan rancangan-rancangan pemasaran atau menukuhan jemaah pemasaran terlebih dahulu.

5. Hasil-hasil pertanian yang ditanggungjawabkan kepada Lembaga di bawah Akta ini dari segi pemasarannya ialah termasuk semua hasil-hasil pertanian kecuali getah, nenas, padi dan beras, ikan, ternakan termasuk ayam, itek, telur dan sebagainya.

6. Lembaga ini bertanggungjawab kepada Y.B. Menteri Pertanian dan Perikanan di dalam menjalankan tugas-tugas dan tanggungjawabnya. Lembaga dibayai oleh kerajaan dengan memberi wang (grant) secara langsung untuk perbelanjaan dan pembangunan dan wang pinjaman untuk rancangan-rancangan perniagaan.

7. Untuk menjalankan tugas-tugas dan tanggungjawab yang tersebut di atas, Lembaga telah diberi kuasa-kuasa yang berikut:—

- a) Untuk menyelaraskan dan bekerjasama dengan pertubuhan-pertubuhan pemasaran yang

sedia ada dan badan-badan kerajaan yang terlibat dalam pemasaran hasil-hasil pertanian supaya amalan-amalan pemasaran dapat diperbaiki dan kecekapan sistem pemasaran dipertinggikan.

- i) Mengadakan rancangan memperbaiki pasaran;
 - ii) Menyediakan kemudahan-kemudahan pemasaran seperti setor, pengangkutan, memproses, memeringkat mutu, kredit dan sebagainya;
 - iii) Mengawal mutu, cara-cara dan amalan pemasaran dan sebagainya; dan
 - iv) Menjalankan penyiasatan pemasaran, kajian kemungkinan, penyiasatan dan penyelidikan, dengan tujuan untuk mengadakan satu asas yang teguh bagi merangka dasar-dasar dan rancangan-rancangan pemasaran yang bertujuan untuk memperbaiki sistem pemasaran.
- b) Melindungi petani-petani dan pengguna-pengguna dari akibat turun-naik harga yang berlebihan bagi hasil-hasil pertanian.
 - c) Mengadakan suasana ekonomi dan sosial yang baik bagi memperkembangkan dan menambahkan pengeluaran, memperbaikkan dan memajukan pertanian.
 - d) Mengadakan peluang pekerjaan yang lebih dalam sektor pemasaran pertanian, dan
 - e) Menggalakkan penyertaan bumiputra dalam semua rancangan-rancangan dan projek-projek yang dijalankan atau akan dijalankan oleh Lembaga.

Ahli-ahli Lembaga

8. Lembaga sebagaimana yang tercatit di bawah Section II Akta Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan 1965, mempunyai 12 orang Ahli. Pengerusi dan Timbalan Pengerusi dilantik oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agung. 10 orang Ahli-ahli lain yang terdiri dari 5 orang Ahli Resmi dan 5 orang Ahli Tidak Resmi dilantik oleh Y.B. Menteri Pertanian dan Perikanan.

Ahli-ahli Resmi

Pengerusi Lembaga	—	Y.B. Datuk Haji Abdullah bin Mahmood S.J.M.K., D.P.M.K., J.M.N.
Timbangan Pengerusi Lembaga	—	Encik Abdul Rahman bin Haji Yusof J.S.M., A.M.N.
Wakil Perbendaharaan	—	Encik Alias b. Sulaiman (Berhenti sebelum tamat tempoh)
	—	Encik Yacob bin Abdul Hamid
Wakil Kem. Perdagangan & Perindustrian	—	Encik Yahya bin Haji Taib
Wakil Kementerian Pertanian	—	Encik Abdul Rahman bin Pilus
Wakil Bahagian Pertanian, Kemen. Pertanian	—	Encik Abdul Aziz b. Hj. Mohd. Ali (Berhenti sebelum tamat tempoh)
	—	Y.B. Tan Sri Mohamad b. Jamil

Wakil Kementerian
Perusahaan Utama — Y.B. Datuk Abdul Aziz bin Ismail

Wakil Yunit Perancang
Ekonomi Jabatan Perdana
Menteri — Dr. Syed Hussein Wafa

Ahli-ahli Tidak Resmi

1. Y.B. Tan Sri Datuk Mohamad Said bin Keruak
2. Y.M. Raja Khalid b. Raja Harun
3. Encik Abdul Rahman b. Abdul Hamid
4. Y.B. Othman bin Aroff
5. Y.B. Che Lat bin Kassim
6. Y.B. Encik Hisan bin Ibrahim

9. Sepanjang tahun 1973 Lembaga telah bersidang sebanyak 3 kali dan Jawatankuasa Kerja Lembaga bersidang sebanyak 4 kali.

10. Ahli-ahli Jawatankuasa Kerja adalah seperti berikut:—

1. Pengurus Lembaga
2. Timbalan Pengurus
3. Wakil Perbendaharaan
4. Wakil Yunit Perancang Ekonomi,
Jabatan Perdana Menteri
5. Wakil Kementerian Pertanian
6. Encik Abdul Rahman Hamid
7. Y.M. Raja Khalid b. Raja Harun

Organisasi FAMA

11. Ketua Organisasi Lembaga ialah Pengurus dan Ketua Pentadbir pula ialah Timbalan Pengurus. Terdapat 4 orang Pengarah mengetuai 4 bahagian dan dibantu oleh 6 orang Penolong Pengarah, Seorang Jurutera Kanan dan seorang Perakaunan Kanan dan kakitangan dari Jabatan-jabatan yang berkenaan.

Bahagian Pentadbiran dan Kewangan

12. Pada akhir tahun 1973, kakitangan Lembaga adalah berjumlah sebanyak 144 orang.

13. Lembaga telah menuahkan beberapa buah pejabat cawangan Lembaga di peringkat Negeri dan Daerah disepanjang tahun 1973, iaitu Pejabat Peringkat Negeri di Seremban, yang menguasai pentadbiran Lembaga bagi Negeri Sembilan dan Melaka dan lapan buah pejabat diperingkat Daerah iaitu di Telok Anson, Selekok, Kuala Selangor, Sabak Bernam, Rengit, Jerantut, dan Raub.

Rancangan-rancangan Memperbaiki Pasaran Pembangunan Kemajuan Projek

14. Lembaga telah menjalankan beberapa kajian kemungkinan bagi memajukan pemasaran hasil-hasil pertanian, melalui kajian pengeluaran, pemasaran dan pemerosesan, kajian kemungkinan yang telah dijalankan dalam tahun 1973 ialah:—

- i) Kajian kemungkinan memproses kacang tanah Menglembu di negeri Perak.
- ii) Kajian kemungkinan menanam dan memproses jagung di Negeri Trengganu dan Pahang.
- iii) Kajian kemungkinan memproses ubikayu untuk mendapatkan kanji-kanji dan ubikayu racik.
- iv) Kajian untuk memproses kelapa kering di negeri Perak, Selangor, Kelantan, Trengganu dan Johor.
- v) Kajian pengangkutan bagi kemudahan-kemudahan pengangkutan hasil-hasil pertanian di Semenanjung Malaysia.
- vi) Kajian kemungkinan untuk menubuhkan kilang memproses kopi ke serbuk kopi.
- vii) Kajian awal bagi memproses koko.
- viii) Penyiasatan dan kajian pasaran buah-buahan negeri Perak, termasuk kajian kemungkinan memproses dan mengkaji kemungkinan untuk mengadakan skim kawalan pasaran.

15. Lembaga juga masih mengawasi sepenuhnya projek pembinaan komplek-komplek perikanan MAJUIKAN di Kuala Trengganu dan di Kuching, terutamanya dari segi kejuruteraan sehingga kedua-dua projek ini siap dan diserahkan kepada MAJUIKAN.

16. Kajian asas dari segi kejuruteraan telahpun dijalankan oleh Lembaga bagi penubuhan pusat-pusat memproses kelapa di Sabak Bernam, Hilir Perak dan di Rengit dan juga penubuhan pusat memproses koko di Hilir Perak. Kajian ini meliputi aspek pemerosesan dan jenis kejuruteraan yang sesuai untuk digunakan bagi menimakan kos perbelanjaan.

17. Lembaga juga telah menjalankan kajian asas berhubung dengan projek Intergrasi Jagong dan kacang tanah di kawasan Kuala Brang dan Rompin. Kajian ini meliputi kajian-kajian dari segi persesuaian tanah, kemudahan-kemudahan letrik dan air, kemudahan-kemudahan pengangkutan dan lain-lain kemudahan disamping kajian kemungkinan untuk menanam dan memprosesnya.

18. Kerja-kerja diperingkat akhir bagi penubuhan pusat memproses kopi di Banting telah dapat disiapkan dalam bulan Jun 1973 dan Lembaga telahpun membuat kajian lanjutan untuk memproses biji kopi kepada serbuk kopi sebagai aktiviti-aktiviti selanjutnya bagi perkembangan pusat ini di masa hadapan.

Perancangan dan Pernilaian

19. Di awal tahun 1973, Lembaga telah menjalankan satu kajian penyiasatan pernilaian berhubung dengan kempen “Makanlah lebih buah-buahan tempatan” terhadap pengguna-pengguna di Semenanjung Tanah Melayu.

20. Dari segi perancangan dalam tahun ini Lembaga telah menyediakan Cadangan Belanjawan bagi tahun 1974 dan membuat kajian pernilaian “Mid-term Review” Lembaga bagi rancangan-rancangan Malaysia Kedua.

Penyelidikan dan Penyiasatan

21. Lembaga telah menjalankan lima penyelidikan dan penyiasatan pemasaran dan pengeluaran bagi mendapatkan maklumat-maklumat asas bagi merangka dasar perkhidmatan dan pembangunan hasil-hasil pertanian. Penyelidikan dan penyiasatan tersebut ialah:-

a) Penyiasatan Pemasaran Kobis di Cameron Highlands

22. Penyiasatan ini telah dijalankan mulai pada 7hb. Disember, 1972 hingga 24hb. Februari, 1973. Penyiasatan ini bertujuan untuk mendapatkan maklumat-maklumat berhubung dengan pemasaran kobis di Cameron Highlands.

b) Penyiasatan Pemasaran Kelapa di Sabak Bernam & Hilir Perak

23. Penyiasatan pemasaran kelapa ini adalah bertujuan untuk mengumpulkan data-data dan maklumat-maklumat asas bagi sistem pemasaran kelapa di Sabak Bernam dan Hilir Perak. Penyiasatan ini telahpun dijalankan pada 14hb. November, 1972 hingga 26hb. Februari, 1973.

c) Penyiasatan Pemasaran Kelapa di Johor Barat

24. Penyiasatan Pemasaran Kelapa di Johor Barat telah dijalankan di awal bulan September 1973 hingga awal bulan Disember, 1973 dengan bertujuan untuk mendapatkan maklumat-maklumat dan data-data berhubung dengan sistem pengeluaran dan sistem pemasaran kelapa di kawasan itu.

d) Kajian Jidar Pasaran Sayuran di Cameron Highlands

25. Kajian ini adalah bertujuan untuk mengkaji kadar jidar pasaran sayur-sayuran yang dikeluarkan di Cameron Highlands. Kajian ini telah dimulakan pada 25hb. Ogos, hingga 25hb. September, 1973.

Penyiasatan Pengeluaran Buah-Buahan di Perak

26. Penyiasatan pengeluaran buah-buahan di Negeri Perak telah pun dijalankan pada 14hb Ogos hingga 9hb November, 1973 dengan tujuan untuk mendapatkan perangkaan dan data-data penge-luaran dan pemasaran tanaman buah-buahan di Negeri Perak.

27. Lembaga juga telah menjalankan kajian berhubung kedudukan pasaran kelapa di pasaran Kuala Lumpur dan Petaling Jaya pada pertengahan bulan Disember 1973. Kajian ini adalah untuk mengesani masaalah-masaalah kenaikan harga kelapa biji di pasaran yang di tanggung oleh pengguna-pengguna.

28. Pemungutan harga barang tertentu di peringkat borong dan runcit telah dijalankan oleh Lembaga di lima buah pusat iaitu di Penang, Ipoh, Kuala Lumpur, Melaka dan Johor Bharu. Di dalam bulan Mei, Lembaga telah diminta oleh ICDAU untuk menolong Utusan Melayu dalam meyiarkan berita harga barang termasuk sayur-sayuran, ikan, buah-buahan, ternakan dan daging. Di awal bulan Jun Lembaga telah memungut harga 35 barang dari kelima pusat di atas setiap hari Isnin dan Khamis. Berita harga pasaran ini juga disebarluaskan melalui radio sejak 30hb Julai, 1970 iaitu dari Radio Malaysia di Pulau Pinang, Kuala Lumpur dan Johor Bharu.

29. Lembaga juga memungut data ikan untuk Jemaah Pemasaran Ikan yang dihantar pada pem-borong-pemborong terhadap 25 jenis ikan dan udang mengikut kelas, jenis, jumlah, cara jualan dan mutu ikan-ikan tersebut. Kajian ini meliputi pemborong di Kuala Lumpur dan di Ipoh dalam bulan Mac 1973. Aktiviti-aktiviti ini telah diserahkan kepada MAJUIKAN dalam bulan Julai dan di Ipoh diserahkan kepada MAJUIKAN akhir tahun itu.

30. Di pertengahan tahun ini juga Lembaga menyediakan dan mengumpulkan data-data untuk Dos-siers bagi hasil-hasil pertanian termasuk kelapa, kopi, buah-buahan, kacang tanah dan sayur-sayuran.

Kemajuan Pasaran dan Persek

31. Di sepanjang tahun 1973, Lembaga telah menumpukan sepenuhnya di dalam Kempen “Makanlah Lebih Buah-Buahan Tempatan” dan beberapa perangkaan telah pun dijalankan iaitu:—

- i) Sibaran awam telah menyiarakan slogan kata bagi mengalakkan lebih penggunaan buah-buahan tempatan melalui radio dan television. Rencana-rencana di akbar juga ditulis bagi menyedarkan para pembaca kepentingan dan impekalasasi dari memakan lebih buah-buahan tempatan kepada negara.
- ii) Lembaga juga telah mengadakan pertunjukkan memasak melalui pertubuhan wanita di seluruh Semenanjung Malaysia. Pertunjukkan begini telah bermula dalam tahun 1972 dan dikembangkan hingga tahun 1973. Pertunjukkan memasak dari bahan buah-buahan tempatan ini ditunjukkan oleh ahli-ahli masak yang kelulusan dari resepi yang telah dipilih oleh Lembaga. Buku risalah resepi juga dijual kepada orang ramai di sepanjang pertunjukkan itu. Di dalam 6 bulan pertama 1973 Lembaga telah mengadakan 17 tempat pertunjukkan memasak melalui pertubuhan wanita iaitu meliputi negeri Kelantan, Trengganu, Pahang, Selangor dan Negeri Sembilan. Di lain negeri telah pun diadakan dalam tahun 1972.
- iii) Untuk menambah lagi minat pengguna-pengguna dan untuk mendapatkan lebih banyak lagi resepi-resepi berhubung dengan buah-buahan tempatan, Lembaga telah mengadakan pertandingan memasak di peringkat Negeri. Pertandingan memasak yang pertama telah diadakan di Pulau Pinang bersama-sama dengan pesta Buah-buahan 1973 iaitu pada 28hb Julai, 1973. Kemudian diikuti di Perlis (November), Kedah (November), Perak (Disember), Selangor (Disember), dan Negeri Sembilan (Disember).
- iv) Lembaga telah mengadakan pesta buah-buahan tempatan di Pulau Pinang dari 23hb – 31hb Julai, 1973. Tujuan pesta ini sebagai galakkan di dalam kempen lebikan penggunaan buah-buahan tempatan di mana beberapa atur cara menarik berhubung dengan buah-buahan telah disusun iaitu:—
 - a) Pertandingan mengubah susun buah-buahan tempatan di Hotel-hotel, restaurant dan supermarket di Pulau Pinang:
 - b) Pertunjukkan carta-carta gambar-gambar buah-buahan dan bahan yang diproses, posta-posta yang telah memenangi dalam pertandingan di peringkat kanak-kanak, sekolah dan belia dan pertandingan gerai yang cantek di sepanjang pesta itu.
 - c) Pertandingan melukis buah-buahan tempatan, pertandingan ratu cantik buah-buahan tempatan. Pertunjukkan Kebudayaan seperti Boria yang menggunakan tema-thema buah-buahan tempatan.
- v) Lembaga juga telah mengadakan pertandingan posta-posta kepada kanak sekolah dan persatuan belia, pertandingan ini dijayakan bersama-sama dengan persatuan belia Barat Daya Pulau Pinang yang berthemakan buah-buahan tempatan.
- vi) Lembaga juga telah menggesa dan telah mendapat kerjasama dengan pejabat pos bagi “postal franking” dalam surat menyurat dengan kata-kata “Buahan Tempatan – lebih lazat, lebih hasiat, lebih murah.”

32. Lembaga juga telah mengedarkan risalah-risalah dan posta-posta berhubung dengan buah-buahan tempatan kepada umum. Risalah-risalah dan posta-posta itu ialah:—

- i) Posta-posta yang menunjukkan zat-zat makanan dan kebaikkan dari buah-buahan tempatan, posta-posta ini disebarluaskan kepada sekolah-sekolah dan klinik-klinik;
- ii) Lembaga mengeluarkan kad untuk jadual waktu bagi kanak-kanak sekolah dengan gambar-gambar buah-buahan tempatan;
- iii) Resepi-resepi buku memasak juga dikeluarkan dengan tambahan dengan resepi yang diperolehi dari pertandingan memasak dengan gambar yang berwarna disertakan untuk kegunaan umum.
- iv) Buku-buku dan risalah-risalah seperti Mengenali Buah-buahan Tempatan, dan Panduan Membeli Buah-buahan Tempatan. Juga dikeluarkan oleh Lembaga sebagai panduan para pengguna.
- v) Lembaga juga mengedarkan kalender-kalender untuk kegunaan tahun 1974.

33. Selain mengadakan kempen-kempen makanlah lebih buah-buahan tempatan. Lembaga juga mengambil bahagian di Pesta Pembangunan sebagai langkah memajukan lagi dan galakkan pasaran hasil-hasil pertanian secara umum, Lembaga telah mengambil bahagian di dalam pesta berikut:—

a)	Pesta Kedah, Alor Star	22hb Jan.—13hb Feb. 1973
b)	Pamiran Pertanian, Kelang	7hb—8hb Mac, 1973
c)	Pesta Pembangunan, Melaka	9hb—13hb Mac, 1973
d)	Pesta Pembangunan, Negeri Sembilan	31hb Mac—2hb April, 1973
e)	Pesta Pembangunan, Selangor	7hb—9hb April, 1973
f)	Pesta Pembangunan P. Pinang	21hb—23hb April, 1973
g)	Pesta Pembangunan Kelantan	21hb—25hb Julai, 1973
h)	Pamiran Bersempena Pembukaan FOA, Kuala Lumpur	11hb—13hb Ogos, 1973
i)	Development Exposition Kuching, Sarawak	24hb Ogos—7hb Sept., 1973
j)	Agricultural Show, Kuching, Sarawak	15hb Ogos—15hb Sept., 1973

Pemasaran

34. Di awal tahun 1973 Lembaga hanya menumpukan sepenuhnya aktivitinya kepada perkhidmatan mengatur pasaran (ad hoc) iaitu memberi perkhidmatan dan maklumat-maklumat pasaran kepada para-para petani-petani melalui pejabat FAMA di peringkat negeri dan daerah-daerah. Setelah Akta Lembaga di pinda dalam tahun 1973 di mana Lembaga diberi kuasa untuk membeli dan menjual hasil-hasil pertanian secara terus tanpa menubuhkan Jemaah Pemasaran Hasil-Hasil Pertanian. Dengan pindaan akta ini Lembaga diakhir tahun ini telah lebih menumpukan usaha-usaha dan perancangan-perancangan kearah projek ini.

Projek Integrasi Perniagaan

35. Pusat memproses kopi di Banting, Kuala Langat telah disiapkan dalam pertengahan tahun 1973 dan telah memulakan perniagaan dalam bulan Jun 1973. Sehingga akhir tahun 1973, pusat ini telah membeli buah-buah kopi untuk di proses kepada bijik kopi kering. Di samping itu Lembaga juga telah menjalankan aktiviti pemborongan biji-biji kopi yang dikeluar oleh pemeroses-pemeroses dan disalurkan kepada kilang membuat kopi serbuk.

36. Di dalam tahun ini juga Lembaga telah memulakan kerja-kerja awal bagi pembinaan dua buah pusat memproses kelapa kering di Hilir Perak dan Sabak Bernam.

Kira-kira Tahunan

37. Kira-kira Lembaga yang telah di odit dikepaskan bersama-sama ini.

T.T.

Datuk Ishak bin Hj. Pateh Akhir
Pengerusi
Lembaga Pemasaran Pertanian
Persekutuan

T.T.

Encik Abdul Rahman Hj. Yusof
Timbalan Pengerusi
Lembaga Pemasaran Pertanian
Persekutuan

Kira-kira dan Kunci Kira-ki.a yang berkembar telah diperiksa mengikut Akta Odit, 1957. Semua kenyataan dan keterangan yang dikehendaki telah didapat.

Tertakluk kepada pemerhatian saya yang berikut, saya mengaku yaitu, menurut oditan ini, pada pendapat saya kira-kira dan Kunci Kira-kira ini telah diperbuat dengan cara yang betul dan me-nasabah mengenai perjalanan dan kedudukan Kumpulanwang Lembaga Pemasaran Pertanian Per-sekutuan.

PENYATA KUMPULANWANG PEMBANGUNAN

Faedah dari Kira-kira Semasa – \$119,197.21

2. Faedah yang diterima ini adalah daripada baki Kira-kira Semasa yang berada pada tiap-tiap penghujung bulan. Baki wang dalam Kira-kira Semasa ini tidak kurang daripada \$4 juta sepanjang tempoh bagi bulan Januari hingga Julai 1975. Pada pendapat saya, faedah sejumlah ini boleh melipat-gandakan jika sebahagian dari baki dalam Kira-kira Semasa dilaburkan dalam Simpanan Tetap Bank untuk tempoh yang tertentu.

Bayaran baki bagi komplek-komplek di Rancangan Kedah/Perlis kepada Lembaga Padi dan Beras Negara – \$1,933,902.95

3. Daripada peruntukan sebanyak \$20,791.000 yang telah diterima untuk Projek Rancangan Kedah/Perlis sehingga akhir tahun 1972, sebanyak \$13,791.000 telah diberi oleh Kerajaan Malaysia dalam tahun 1970 dan 1971 dan baki sebanyak \$7,000,000 telah diterima daripada Lembaga Padi dan Beras Negara dalam tahun 1972. Setakat 1973 sebanyak \$18,857,097.05 telah di belanjakan, termasuk jumlah sebanyak \$1,855,909.08 yang di belanjakan dalam tahun 1973. Dalam bulan Julai 1973, satu keputusan telah diambil oleh Lembaga untuk menyerahkan projek ini kepada Lembaga Padi dan Beras Negara dan proses penyerahan telah disempurnakan dalam bulan Ogos 1973 apabila baki peruntukan sebanyak \$1,933,902.95 dibayar kepada Lembaga Padi dan Beras Negara.

Walau bagaimanapun, penyerahan projek ini kepada Lembaga Padi dan Beras Negara tidaklah mengambilkira perbelanjaan sebanyak \$2,104,975.34 yang telah dibayar terus oleh Akauntan Negara, seperti yang dinyatakan dalam perenggan 3 Sijil Odit tahun yang lalu.

KUNCI KIRA-KIRA

Tanggungan Semasa

Sipiutang Pelbagai–\$2,131,884.25

Kumpulanwang Pembangunan–\$1,923,403.03

4. Termasuk dalam jumlah sebanyak \$1,923,403.03 ini, adalah sebanyak \$363,430.20 yang terhutang kepada Kementerian Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar semenjak tahun 1971. Sejauh yang saya ketahui, jumlah ini masih belum dibayar balik kepada Kementerian sehingga tarikh Sijil Odit ini.

Kira-kira Perniagaan

5. Pada akhir bulan Ogos 1973, Lembaga telah memulakan Projek Perniagaan menjualbeli hasil-hasil pertanian. Kebanyakan buku-buku dan rekod-rekod yang diselenggarakan bagi projek ini di Negeri-negeri dan di Ibu Pejabat tidaklah memuaskan. Memandangkan kepada kedudukan ini, kawa-lan dan pengiraan di atas terimaan dan perbelanjaan projek ini dalam tahun 1973 tidak boleh didapati dengan tepatnya.

(HAJI MOHAMED ZAIN BIN AHMAD)
JURUODIT NEGARA.

KUALA LUMPUR,
5hb. November, 1975.

LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN
 (Federal Agricultural Marketing Authority)
MALAYSIA

KUNCI KIRA-KIRA BAGI
TAHUN BERAKHIR 31HB DISEMBER, 1973

1972

<u>Kumpulan Wang Terkumpul</u>	
1,306,489.05	Kumpulan Wang Biasa
118,419.48	Baki pada 1.1.1973
	Tambah lebihan
1,424,908.53	<u>76.489.38</u>
	<u>1,481,972.28</u>
—	Tolak pindahan ke
	Kumpulan Wang Perniagaan
19,425.63	100,000.00
1,405,482.90	Tolak Susutan Terkumpul
	yang tiada diadakan
	<u>—</u>
	<u>1,381,972.28</u>
5,976,509.63	Kumpulan Wang Pembangunan
40,638.87	Tambah Harta Tetap yang
6,017,148.50	tiada dimodalkan tahun lepas
—	<u>—</u>
	Kumpulan Wang Perniagaan
	Tambah Untung Bersih
100,000.00	<u>100,000.00</u>
4,767.85	<u>4,218.79</u>
104,767.85	<u>104,218.79</u>
171,591.23	<u>4,244,360.67</u>
557.21	
2,008,513.92	<u>Kumpulan Wang Pusingan</u>
71.00	<u>Tanjong Karang</u>
2,008,584.92	<u>Derma</u>
<u>\$ 9,708,132.61</u>	<u>Tanggungan Semasa</u>
	Sipiutang Pelbagai (Lampiran B)
	Derma
	<u>2,131,884.25</u>
	<u>2,131,884.25</u>
	<u>\$ 6,476,244.92</u>

1973

100,000.00	<u>Kumpulan Wang Kenderaan</u>
	Faedah atas Pinjaman Kenderaan
<u>100,000.00</u>	
100,000.00	
—	<u>Kumpulan Wang Pusingan</u>
—	<u>Tanjong Karang</u>
—	<u>Derma</u>
4,344,360.67	<u>Tanggungan Semasa</u>
2,131,884.25	Sipiutang Pelbagai (Lampiran B)
2,131,884.25	Derma
<u>2,131,884.25</u>	
<u>\$ 6,476,244.92</u>	

ABU BAKAR BIN ABDUL HAMID
 PEMANGKU PENGARAH, PENTADBIRAN DAN KEWANGAN
 LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN

LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN
 (Federal Agricultural Marketing Authority)
MALAYSIA

KUNCI KIRA-KIRA BAGI
TAHUN BERAKHIR 31HB DISEMBER, 1973

<u>Harta Tetap</u>	<u>Kos</u>	<u>Susutan Terkumpul</u>	<u>Baki</u>	<u>1973</u>
Kumpulan Wang Pembangunan (Lampiran C)	46,083.67	33,332.95	12,750.92	
Kumpulan Wang Biasa (Lampiran D)	285,024.98	122,424.18	162,600.80	
Kumpulan Wang Perniagaan (Lampiran E)	1,021.00	90.04	930.96	
	<hr/>	<hr/>	<hr/>	
	332,129.85	155,847.17	176,282.68	176,282.60
	<hr/>	<hr/>	<hr/>	
Harta Semasa				
Wang Runcit			1,354.50	
Stok Akhir			1,062.20	
Wang di Bank (Lampiran F)			3,100,751.95	
	<hr/>	<hr/>	<hr/>	
Siberhutang Pelbagai (Lampiran I)			19,734.47	
Siberhutang Kenderaan			98,844.65	
Bayaran Terdahulu			21,629.80	
Pertaruhan			4,613.00	
Faedah Terakru (Lampiran G)			172,034.98	
Simpanan Tetap (Lampiran H)			<hr/> 2,879,936.69	6,299,962.24
	<hr/>	<hr/>	<hr/>	
				\$ 6,476,144.92
	<hr/>	<hr/>	<hr/>	

ABDUL RAHMAN BIN HAJI YUSOF, AMN,
 TIMBALAN PENGERUSI
 LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN

LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN
 (Federal Agricultural Marketing Authority)
MALAYSIA

KUMPULAN WANG BIASA

PENYATA PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31HB DISEMBER, 1973

1972	PENDAPATAN	1973
\$1,562,800.00		\$1,720,727.77
38,515.95 8,921.17 2,807.18 222.00 — — 3,546.32	Pemberian dari Kerajaan Malaysia Faedah-faedah: Dari Simpanan Tetap Dari Kira-kira Semasa Jualan Buku-buku Cetak Bayaran Iklan diterima Derma Bayaran Lesen diterima Pendapatan Pelbagai	35,495.18 18,962.78 — — — — 195,844.85
\$1,616,812.62		\$1,976,240.17
TOLAK PERBELANJAAN		
634,394.06 53,979.90 151,367.68 62,953.26 4,080.00 1,424.00 18,397.88 1,916.10	Gaji:- Gaji Pokok Elaun Sara Hidup Elaun Rumah Kumpulan Wang Simpanan Kakitangan (Carum Majikan) Carum Penceن bagi Timbalan Pengurusи Elaun Trengkas Melayu Elaun-elaun Galakan, Anak-anak dan Kegangguan Elaun-elaun lain	754,158.07 62,932.37 178,184.13 72,173.58 4,080.00 817.00 15,771.52 1,498.56
\$ 928,512.88		1,089,615.23
PERBELANJAAN BERULANGAN		
3,766.82 1,852.05 36,400.79 9,414.16 91,807.14 4,195.74 25,912.47 492.49 72,100.00 7,853.57 925.50 20,949.63 266.00 24,184.84 14,090.00 2,397.50 4,966.73 240.00 537.00 3,284.09 3,259.84 8,333.54 720.00 16,692.45 965.00 — —	Belanja Runcit Penyelenggaraan Mesin. Talipon dan Taligram Alatulis Pengangkutan dan Perjalanan Kakitangan Pos Penerangan Peta-peta Sewa Pejabat Buku-buku Majallah Khutub-Khanah Pejabat Pakaian Seragam Pengangkutan dan Perjalanan Ahli-ahli Lembaga Elaun Munysi Perubatan Iklan dan Perlantikan Pembersihan Pejabat Api, Kuasa Letrik dan Air Latihan Pemasaran Bayaran Peguan Penyelenggaraan Kereta Bermotor Perbelanjaan Keraian Insurans Bayaran Odit Susutan Harta-harta Tetap Sekatan Bilik Pemasangan Letrik Laporan Tahunan	5,677.03 1,992.95 60,861.97 34,081.28 141,380.40 4,438.85 40,490.21 213.50 117,377.00 10,836.01 571.40 15,404.46 898.00 25,643.68 8,070.50 4,812.00 6,831.58 45.25 275.00 4,852.01 4,639.53 10,051.05 — 52,386.60 — 1,246.50 2,680.00
\$ 355,607.35		555,756.76
PERBELANJAAN KHAS		
4,684.90 10,803.91 92,656.73 106,127.37	Seminar Pemasaran (termasuk Latihan Seberang Laut) Perbelanjaan Pakar Penyelidik Pasaran Penyelidikan dan Penyiasatan	8,805.04 — 99,125.19 146,448.57
214,272.91		254,378.80
1,498,393.14		\$1,899,750.79
\$ 118,419.48	Pendapatan Lebih Daripada Perbelanjaan	\$ 76,489.38

LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN
 (Federal Agricultural Marketing Authority)
MALAYSIA

**PENYATA PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN BAGI
 TAHUN BERAKHIR 31HB. DISEMBER, 1973**

<u>1972</u>	<u>PENDAPATAN</u>	<u>1973</u>
	Pemberian dari Kerajaan Malaysia:—	
\$1,562,800.00	Untuk Perbelanjaan Kumpulan Wang Biasa	\$1,720,727.77
7,044,000.00	Untuk Perbelanjaan Kumpulan Wang Pembangunan	<u>300,000.00</u>
		\$2,020,727.77
8,606,800.00		
2,506,000.00	Untuk Jemaah Pemasaran Ikan	\$150,000.00
515,500.00	Untuk Jemaah Pemasaran Hasil-Hasil Pertanian	22,500.00
1,611,000.00	Untuk Jemaah Pemasaran Lada Hitam	<u>500,000.00</u>
		672,500.00
4,632,500.00	Pindahan Kepada:	
2,506,000.00	Jemaah Pemasaran Ikan	150,000.00
515,500.00	Jemaah Pemasaran Hasil-Hasil Pertanian	22,500.00
1,611,000.00	Jemaah Pemasaran Lada Hitam	<u>500,000.00</u>
		672,500.00
4,632,500.00		
	Faedah-Faedah:—	
38,515.95	Kumpulan Wang Biasa:—	
8,921.17	Simpanan Tetap	35,495.18
	Kira-Kira Semasa	<u>18,962.78</u>
	Kumpulan Wang Pembangunan:—	54,457.96
188,205.04	Simpanan Tetap	131,056.12
38,037.03	Kira-Kira Semasa	119,197.21
350.00	Pertaruhan Tawaran	—
—	Lain Pendapatan	<u>3.00</u>
9,112.44		250,256.33
2,807.18	Kumpulan Wang Pusingan Untuk Tanjung Karang:—	
222.00	Simpanan Tetap	—
—	Jualan Buku-Buku Cetak	304,714.29
—	Bayaran Iklan diterima	2,999.38
3,546.32	Derma	342.00
	Bayaran Lesen diterima	628.21
	Pendapatan Pelbagai	1,240.00
8,896,517.13		195,844.85
1,498,393.14	TOLAK PERBELANJAAN	
6,470,372.32	Kumpulan Wang Biasa	1,899,750.79
	Kumpulan Wang Pembangunan	<u>3,809,235.23</u>
7,968,765.46 Cr		5,708,986.02
\$ 927,751.67		
		\$3,182,489.62

LAMPIRAN A

LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN
(Federal Agricultural Marketing Authority)
MALAYSIA

Penyata Kumpulan Wang Pembangunan

		<u>1972</u>	<u>1973</u>
\$ 5,176,289.88	Baki pada 1.1.1973		\$ 6,017,148.50
7,044,000.00	Tambah: Pemberian diterima dari Kerajaan	300,000.00	
188,205.04	Faedah dari Simpanan tetap	131,056.12	
38,037.03	Faedah dari Kira-Kira Semasa	119,197.21	
350.00	Pertaruhan Tawaran	—	
—	Lain-lain Pendapatan	<u>3.00</u>	<u>550,256.33</u>
<u>7,270,592.07</u>			<u>6,567,404.83</u>
12,446,881.95			
5,706,763.49	Tolak: Perbelanjaan Kompleks-kompleks di Rancangan Kedah/Perlis	1,855,909.08	
16,025.50	Projek Besut	—	
700.00	Bayaran balik wang sumbungan jemur padi Kelantan Pusat Memproses Kelapa	<u>—</u>	<u>1,875,332.28</u>
<u>5,723,488.99</u>			<u>4,692,072.55</u>
6,723,392.96			
746,883.33	Tolak: Bayaran baki bagi Projek Besut kepada LPN	—	
—	Bayaran baki bagi kompleks-kompleks di Rancangan Kedah/Perlis kepada LPN	<u>1,933,902.95</u>	<u>1,933,902.95</u>
<u>5,976,509.63</u>			<u>2,758,169.60</u>

LAMPIRAN—LAMPIRAN

B. Sipiutang Pelbagai

Kumpulan Wang Pembangunan	\$ 1,923,403.03
Kumpulan Wang Biasa	203,372.77
Kumpulan Wang Perniagaan	5,108.45
	<u>\$ 2,131,884.25</u>

C. <u>Harta-Harta Tetap</u>	<u>Kos</u>	<u>Susutan</u>	<u>Baki</u>
		<u>Terkumpul</u>	
Kumpulan Wang Pembangunan			
Alat Pejabat	34,044.80	21,543.88	12,500.92
Perabut	1,186.00	937.00	249.00
Kereta	10,853.07	10,852.07	1.00
	<u>46,083.87</u>	<u>33,332.95</u>	<u>12,750.92</u>

D. Kumpulan Wang Biasa

Alat Pejabat	115,275.98	63,420.46	51,855.52
Perabut	139,611.40	49,838.20	89,773.20
Kereta/Motorsikal	30,137.60	9,165.52	20,972.08
	<u>285,024.98</u>	<u>122,424.18</u>	<u>162,600.80</u>

E. Kumpulan Wang Perniagaan

Alatniaga	<u>1,021.00</u>	<u>90.04</u>	<u>930.96</u>
-----------	-----------------	--------------	---------------

F. Wang di Bank

Kumpulan Wang Pembangunan	2,431,138.05
Kumpulan Wang Biasa	596,636.56
Kumpulan Wang Pinjaman Kenderaan	6,072.73
Kumpulan Wang Derma	557.21
Kumpulan Wang Perniagaan	66,347.40
	<u>3,100,751.95</u>

G. Faedah Terakru

Kumpulan Wang Pembangunan	163,730.36
Kumpulan Wang Biasa	7,162.34
Kumpulan Wang PusinganTanjong Karang	1,142.28
	<u>172,034.98</u>

H. Simpanan Tetap

Kumpulan Wang Pembangunan	2,184,050.00
Kumpulan Wang Biasa	485,395.50
Kumpulan Wang Pusingan Tanjong Karang	180,491.19
Kumpulan Wang Trading	30,000.00
	<u>2,879,936.69</u>

I. Siberhutang Pelbagai

Kumpulan Wang Biasa	8,747.79
Kumpulan Wang Perniagaan	10,986.68
	<u>19,734.47</u>

LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN
Federal Agricultural Marketing Authority
MALAYSIA.

Kira-Kira Untung dan Rugi pada 31hb Disember, 1973

Jualan		102,758.41
Belian	88,408.46	
Kurang stok akhir	<u>1,062.20</u>	<u>87,346.26</u>
UNTUNG KASAR		15,412.15
Campur diakaun diterima		<u>154.15</u>
		\$ 15,566.30

Kurang Perbelanjaan:—

Pengangkutan	7,442.15	
Upahan (labour)	758.20	
Pos	91.30	
Alatulis	1,384.30	
Guni	1,001.90	
Pelbagai	579.62	
Susutan	<u>90.04</u>	<u>11,347.51</u>
UNTUNG BERSIH		\$4,218.79

Kunci Kira-Kira Perniagaan
FAMA Pada 31hb Disember, 1973

Wang Pusingan	\$ 100,000.00
Campur untung bersih	<u>4,218.79</u>

Terdiri Daripada:

HARTA TETAP:

Alatniaga	1,021.00
Kurang Susutan	<u>90.04</u>

HARTA SEMASA:

Siberhutang	6,834.41
Wang Pendahuluan	4,152.27
Simpanan Tetap	30,000.00
Wang Baki pada 31.12.1973	66,347.40
Stok Akhir	<u>1,062.20</u>
	108,396.28
	109,327.24

KURANG TANGGUNGAN SEMASA:

Sipiutang Perniagaan	3,942.15
Perbelanjaan Terakru	<u>1,166.30</u>
	<u>5,108.45</u>
	<u>\$104,218.79</u>

